

27/02/1998

300 kes HIV baru dilapor sebulan

Rosli Safar

KUCHING, Khamis - Lebih 300 kes HIV/Aids baru dilaporkan berlaku di negara ini setiap bulan, perangkaan yang menggambarkan betapa perlu semua pihak kini mengambil langkah bagi menanganinya.

Presiden Majlis Aids Malaysia, Datin Paduka Marina Mahathir, berkata sungguhpun jumlah kes baru yang dilaporkan agak kecil, semua harus sedar bahawa perangkaan itu adalah berdasarkan kes yang dilaporkan saja dan mungkin ramai lagi yang tidak berbuat demikian.

"Sekiranya kita ingin membuat perbandingan, kadar kes baru HIV/Aids di negara ini adalah lebih tinggi daripada Australia yang mencatatkan jumlah 500 kes baru setahun, berbanding negara kita 300 sebulan."

"Mungkin jika dibandingkan dengan negara jiran, Thailand, kes yang berlaku di negara ini rendah, namun semua harus sedar bahawa permasalahan yang dihadapi adalah berbeza iaitu kita menjurus kepada penyalahgunaan dadah dan negara jiran itu dengan masalah lain," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis perasmian Seminar HIV/Aids - Masalah dan Tanggungjawab Bersama, yang dianjurkan oleh Sarawak Aids Network dan ditaja oleh Majlis Aids Malaysia, di sini, hari ini.

Seminar itu dirasmikan oleh Timbalan Ketua Menteri, Datuk Dr George Chan Hong Nam.

Sementara itu, ketika berucap di majlis berkenaan, Marina berkata, sehingga November tahun lalu, 23,571 orang dijangkiti HIV/Aids, yang mana jumlah itu diambil sejak 1985. Daripada jumlah keseluruhan itu, 1,051 orang mati akibat Aids.

Beliau berkata, dalam menghadapi permasalahan ini, langkah yang perlu diambil seharusnya secara menyeluruh, bukannya sekadar mencegah ianya daripada berlaku, sementara mereka yang bermasalah diabaikan.

Selain berusaha mendidik diri dan juga masyarakat agar tidak melakukan perkara yang boleh menyebabkan mereka dijangkiti dengan penyakit berkenaan, tindakan juga harus dilakukan bagi membantu mereka yang telah dijangkiti.

Marina berkata, masyarakat tidak boleh meminggir dan menyisihkan mereka yang telah dijangkiti penyakit itu, sebaliknya hendaklah menghulurkan bantuan, agar mereka dapat terus meneruskan kehidupan.

"Ini penting bagi memastikan mereka yang bermasalah berani tampil menerima kenyataan dan mendapatkan rawatan awal, berbanding mereka bersikap hanya mendapatkan rawatan apabila penyakit menjadi berat, kerana bimbang tidak akan diterima masyarakat," katanya.

Beliau berkata, masalah HIV/Aids adalah permasalahan yang perlu ditangani oleh masyarakat secara keseluruhan dan ianya bukan lagi suatu masalah yang boleh disembunyikan.

Menurutnya, jika masyarakat gagal membantu anggotanya yang memerlukan bantuan, pastinya ia akan menggambarkan sikap masyarakat berkenaan yang tidak baik.

(END)